



PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI SABAH (SEDCO)

POLISI ADUAN INTEGRITI

PENYATAAN POLISI

Selaras dengan pelaksanaan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (MS ISO 37001:2016), SEDCO telah mewujudkan Polisi Aduan Integriti yang bertujuan untuk mendorong kakitangan SEDCO atau orang awam untuk melaporkan sebarang aduan berkaitan pelanggaran integriti.

Bagi memenuhi keperluan polisi ini, SEDCO telah mewujudkan Saluran Aduan Integriti sebagai saluran untuk warga SEDCO dan orang awam membuat aduan integriti berkaitan perlakuan jenayah rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa atau pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi.

OBJEKTIF POLISI

1. Polisi ini bertujuan untuk memberi ruang kepada kakitangan SEDCO, pihak berkepentingan atau orang awam untuk membuat aduan berkaitan pelanggaran integriti yang merangkumi salah laku jenayah rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan serta pelanggaran tatakelakuan dan etika agensi.
2. Polisi ini menerangkan tentang hak dan tanggungjawab serta perlindungan kepada pemberi maklumat.

SKOP POLISI

Polisi ini terpakai kepada:

1. Semua kakitangan SEDCO, yang merangkumi Pengurusan Tertinggi SEDCO, Pengurus Bahagian serta Pegawai-Pegawai SEDCO;
2. Semua pembekal atau kontraktor yang sedang atau akan berurusan dengan SEDCO;
3. Pelanggan SEDCO; dan
4. Orang Awam;

Polisi ini merangkumi kesalahan seperti berikut:

1. Salah guna kuasa;
2. Rasuah (Memberi/ Menerima/Menawar/Meminta);
3. Tidak patuh waktu kerja;
4. Penyalahgunaan dadah;

5. Keluar negara tanpa kebenaran;
6. Pengurusan kewangan yang tidak cekap
7. Tidak jujur/Tidak Amanah/Tidak Bertanggungjawab;
8. Membuat tuntutan palsu;
9. Pembocoran/Penyalahgunaan Rahsia Kerajaan/Maklumat Terperingkat;
10. Penyelewengan harta kerajaan bagi tujuan peribadi.

POLISI

Siasatan

Sebarang aduan yang dilaporkan melalui saluran yang disediakan akan disiasat dengan telus dan adil berdasarkan Prosedur Pengurusan Aduan Integriti (ABMS-P-PAI-SEDCO-1).

Jaminan Perlindungan Pemberi Maklumat

Pemberi maklumat dilindungi berdasarkan peruntukkan yang terdapat di dalam Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) iaitu:-

1. Melindungi maklumat sulit;
2. Imuniti daripada tindakan sivil dan jenayah; dan
3. Perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan.


Jaminan Kerahsiaan Maklumat

Hanya Pengerusi Jawatankuasa Menilai Maklumat (JMM) atau Ketua Unit Integriti dan pegawai yang menjalankan siasatan (Pegawai Penyiasat) sahaja yang dibenarkan untuk mempunyai akses kepada segala maklumat peribadi dan butiran aduan yang dikemukakan.

SALURAN ADUAN INTEGRITI

Jika terdapat sebarang perbuatan yang menyalahi integriti yang melibatkan kakitangan SEDCO, laporan boleh disampaikan kepada Ketua Unit Integriti SEDCO melalui kaedah-kaedah berikut:

1. Berjumpa dengan Ketua Unit Integriti; atau
2. Hubungi 088-266 777 ext.266; atau
3. E-mel ke integriti@sedco.com.my; atau
4. Salurkan Aduan Ke Peti Aduan Salah Laku Integriti; atau
5. Surat Aduan ke alamat berikut:
Unit Integriti,
Tingkat 8, Wisma SEDCO,
Lorong Plaza Wawasan, Off Coastal Highway,
88823 Kota Kinabalu, Sabah.



Datuk Dr. Richard Sakian Gunting

Pengerusi

Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO)

31 Oktober 2019